

1. Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan (DPPNK) menyifatkan kenyataan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Kelantan, Datuk Md Alwi Che Ahmad yang menyebut bahawa Kerajaan Pusat menyokong pelaksanaan segera hudud di Kelantan sebagai satu sandirawa politik semata-mata. Ia hanya bertujuan meraih sokongan pengundi Melayu Islam yang merupakan golongan majoriti di Kelantan sedangkan pada hakikatnya hudud tetap terhalang dengan kewujudan Akta Mahkamah Syariah 1965 yang mengecilkan bidang kuasa mahkamah syariah.

2. DPPNK ingin mempersoalkan hak Alwi untuk membuat kenyataan tersebut di atas kapasiti beliau yang hanya merupakan seorang Ketua Pembangkang di dalam DUN Kelantan sahaja dan tidak mempunyai apa-apa jawatan di dalam kerajaan di peringkat pusat. Sekiranya benar UMNO ikhlas untuk memberikan laluan terhadap pelaksanaan hudud di Kelantan, DPPNK mencabar kenyataan Alwi ini diulangi dan disokong oleh pemimpin tertinggi UMNO di peringkat Pusat sendiri.

3. Kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin UMNO Kelantan kadang-kadang hanya bernada retorik sahaja. Ini jelas kelihatan dalam isu bayaran tunai atau royalti minyak yang habis-habisan dinafikan oleh pemimpin UMNO Kelantan, bahkan ada yang menyatakan bayaran royalti ini sudah dibayar melalui wang ehsan. Tidakkah mereka jelas berbohong apabila Perdana Menteri sendiri mengutus surat memaklumkan penubuhan Jawatankuasa Khas Mengkaji bayaran tunai ini beberapa minggu lepas?

4. DPPNK ingin bertanya kepada Alwi bahawa adakah kenyataan beliau sudah mendapat restu Presiden UMNO? Sedarkah Alwi bahawa Datuk Seri Najib Razak sendiri selaku Presiden UMNO telah mengeluarkan kenyataan yang dilaporkan oleh akhbar The Star, 25 September 2011 yang lepas di bawah tajuk "Najib : No Hudud in M'sia"? Di dalam kenyataan tersebut,

## Sokongan Pusat Terhadap Hudud : Alwi Hanya Bersandiwara

Written by Dewan Pemuda PAS Kelantan

Sunday, 26 August 2012 11:54 - Last Updated Sunday, 26 August 2012 11:56

---

Najib dilaporkan membuat penegasan bahawa hukum hudud sama sekali tidak akan dilaksanakan di Malaysia. Siapakah yang bersandiwara di antara Alwi dan Najib? Atau kedua-duanya bersandiwara?

5. Perlu diingatkan bahawa surat yang dihantar oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tetap berkuatkuasa sehingga ke hari ini dan ia belum ditarik balik. DPPNK mencabar UMNO untuk mengeluarkan kenyataan bahawa surat halangan tersebut ditarik balik dan memberikan ruang seluas-luasnya kepada Kelantan untuk melaksanakan hudud. Ini termasuklah memberikan jaminan bahawa agensi-agensi seperti polis, penjara dan sebagainya yang berada di bawah kekuasaan kerajaan Pusat akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan Kelantan untuk menjayakan pelaksanaan ini.

6. Beranikah UMNO untuk menyahut cabaran ini?

Sekian.

Yang menjalankan tugas,

## **Sokongan Pusat Terhadap Hudud : Alwi Hanya Bersandiwara**

Written by Dewan Pemuda PAS Kelantan

Sunday, 26 August 2012 11:54 - Last Updated Sunday, 26 August 2012 11:56

---

**AHMAD FADHLI BIN SHAARI,**

Ketua Penerangan,

Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan.

Bertarikh : 25 Ogos 2012